



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Melter Jiki Tais

Suffragan Bisyp: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin

Rektor: Ven. (E) Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Epifani 1 - 11 Januari 2026

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Engkau mengurapi Yesus pada pembaptisan-Nya dengan Roh Kudus dan menyatakan-Nya sebagai Anak yang Engkau kasihi; ilhamilah kami yang sudah menjadi anak-anak-Mu kerana lahir daripada air dan Roh, untuk menyerahkan hidup kami kepada pelayanan-Mu, supaya kami bersukacita kerana dipanggil anak-anak Allah, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Injil - Matius 3:13-akhir

Bacaan Responsif - Kis 10:34-43



YESUS MENYATAKAN KEMULIAAN-NYA
MURID-MURID-NYA PERCAYA

- YOHANES 2:11

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: [https://www.youtube.com/
@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. YANG BARU TELAH DATANG

Salam Tahun Baru yang penuh berkat kepada semua. Kita akan memulakan satu siri khutbah baharu bertema “Yang Baru Telah Datang”, berdasarkan Injil Yohanes:

- 11 Jan: “Anggur Baru” – pernikahan di Kana; Yohanes 2
- 18 Jan: “Ibadah Baru” – perempuan di sumur; Yohanes 4
- 25 Jan: “Pengampunan Baru” – perempuan yang berzina di Bait Allah; Yohanes 8
- 1 Feb: “Penglihatan Baru” – orang buta di kolam; Yohanes 9
- 8 Feb: “Penghiburan Baru” – gembala di padang; Yohanes 10
- 15 Feb: “Hidup Baru” – orang mati di kubur; Yohanes 11
- 5 minggu Musim Puasa: “Realiti Baru” – ajaran-ajaran di Bilik Atas; Yohanes 13–17
- Minggu Suci & Paskah: “Hidup Baru” – peristiwa-peristiwa di taman; selebihnya Injil Yohanes

2. KELAS PEMURIDAN DISAMBUNG SEMULA

Kami mengadakan pelbagai kegiatan dan acara untuk saling menolong agar kita belajar menjadi murid Yesus yang lebih baik.

- Kelas BLAST bermula hari ini. Semua ibu bapa yang mempunyai anak-anak kecil digalakkan membawa mereka untuk menyertai pendidikan Kristian; setiap hari Ahad, semasa Ibadah Bahasa Inggeris.
- Evergreens telah dimulai kembali kelmarin. Semua yang berusia 50 tahun dan ke atas dijemput hadir; setiap hari Sabtu, dua minggu sekali, di Dewan Omega, jam 9.30 pagi.
- Aktiviti-aktiviti lain akan disambung semula secara berperingkat. Tetap ikuti perkembangannya.

3. PUJI TUHAN & TERIMA KASIH

Kita bersyukur kerana jemaat setia beribadah setiap hari Ahad dan menyokong pelayanan gereja melalui pemberian yang murah hati. Ini dapat dilihat melalui statistik berikut. Kiranya kita terus mengalami kasih karunia Tuhan pada tahun yang baharu.

Kehadiran	2025	2024	Jumlah Pemberian (RM)	2025	2024
Cina	168	157		1,928,825 (belum audit) - termasuk 'Projek labur'	1,464,074 (belum audit) - termasuk 'Projek labur'
Inggeris	197	210			
BM	243	231			
Jumlah	608	598			

4. MULAKAN DENGAN DOA

12 Jan, esok malam, jam 8.00 – Persekutuan doa bersama saudara-saudari dari gereja-gereja Anglikan di KK; bertempat di Gereja Anglikan Manggatal. Ibadah doa akan diadakan dalam bahasa CH, EN dan BM.

5. “BIARKAN ANAK-ANAK DATANG KEPADA-KU”

19-20 Jan, Isnin-Selasa hadapan – Latihan Pelayanan Kanak-kanak ADOS-Barat (CH & EN); Katedral All Saints. Pastor Margaret Chong ialah jurulatih utama. Kami menggalakkan semua yang terlibat dalam pelayanan kanak-kanak untuk memperlengkapi diri dan meningkatkan keberkesanan dalam pelayanan masing-masing.



6. PENTAHBISAN

Bisyp bercadang untuk menahbiskan beberapa calon sebagai deakon dan paderi. Antaranya ialah Pastor kita, Ps. Andriano Bronio. Senarai penuh calon boleh dilihat di papan pengumuman.

Upacara pentahbisan akan diadakan pada Isnin, 26 Januari 2026, di Gereja St. Patrick, Tawau, jam 7.30 malam. Semua dijemput hadir.

Acara ini akan dilanjutkan dengan Retret dan Konferensi Tahunan Paderi & Pastor. Doakan semua yang terlibat.

7. ‘PROJEK LABUR’

Bangunan telah siap dan kunci telah diserahkan. Syukur kepada Tuhan dan terima kasih kepada semua. Kini menunggu pemeriksaan BOMBA & DBKK; doakan proses pensijilan lancar. Dana pembinaan RM1.17 juta daripada sasaran RM1.20 juta. Terima kasih atas sokongan anda semua.

8. PELAYANAN LAINNYA

- 8 Feb – **Pembaptisan** di semua Ibadah kita. Sila mendaftar.
- **Persembahan Bunga 2026** – Jika anda ingin menyumbang gubahan bunga untuk kebaktian, sila hubungi pejabat gereja. Anda boleh menggunakan kesempatan ini untuk memperingati ulang tahun, meraikan sesuatu acara, atau sebagai ungkapan syukur.

9. TAKZIAH

Kami merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Cik Ling Kwai Mei (58 tahun), yang telah kembali ke pangkuan Tuhan pada Khamis, 8 Jan. Beliau beribadah di Kebaktian EN.

Turut berdukacita kepada keluarga Pn. Marysta atas pemergian ibunya, Pn. Pinai Binti Uput (75), serta kepada En. Adrian Nungka atas pemergian bapanya, Datuk Asmat Nungka (72); kedua-duanya meninggal dunia pada 7 Jan. Doakan bagi keluarga yang ditinggalkan.

FOR GIVING ONLINE
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Untuk 2026, 'Saya bertekad ...

- Membaca Firman Tuhan setiap hari, walau sibuk dan walau hanya beberapa ayat.
- Berdoa setiap hari, walau sibuk dan walau hanya sebentar.
- Beribadah bersama saudara-saudari seiman di gereja, pada kebanyakan hari Minggu sepanjang tahun, kecuali benar-benar terhalang atau menghadapi gendala.
- Sertai dan bergabung dalam kelompok sel untuk belajar bertumbuh dan melayani sebagai seorang Kristen.
- Melayani dalam salah satu pelayanan yang tersedia di gereja – kanak-kanak, remaja, belia, dewasa, senior, musik, media, dan sebagainya; atau di masyarakat – NGO, badan amal, kelab, dll.
- Memberi secara kewanangan untuk kerja-kerja pelayanan gereja – dengan murah hati, rela, gembira, dan sekali-sekala secara pengorbanan.
- Taat kepada Tuhan dalam segala keadaan, sama ada menyenangkan atau tidak – dengan berani, rela, dan rendah hati.
- Menjadi lebih serupa dengan Yesus.

Isnin, Jan 12	Yoh 8	Mz 8
Selasa, Jan 13	Yoh 9:1-10:21	Mz 9
Rabu, Jan 14	Yoh 10:22-42	Mz 10
khamis, Jan 15	Yoh 11	Mz 11
Jumaat, Jan 16	Yoh 12:1-36	Mz 12
Sabtu, Jan 17	Yoh 12:37-50	Mz 13
Ahad, Jan 18	Yoh 13	Mz 14

Ya Tuhan, tolong saya.

UNTUK DIDOAKAN

Dunia yang Kita Kasih

– Berdoa agar dunia hidup dalam damai sejahtera; supaya konflik dan keganasan dapat dibendung. Doakan agar para pemimpin dipimpin oleh hikmat dan akal budi yang baik.

Sekolah-sekolah yang Kita Kasih

– Berdoa untuk pelajar, ibu bapa dan guru-guru yang memasuki tahun pembelajaran yang baharu. Berdoa secara khusus untuk Sekolah St. Agnes.

Diri kita sendiri

– Berdoa supaya kita terbuka untuk dipimpin oleh Allah ke dalam pengalaman baharu akan kehadiran dan kasih karunia-Nya.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda. Doakan secara khusus untuk Rev. George Chong, Ps. Sylvia Jeanes dan Sister Margaret Yong.